

04/06/1997

MYOF berazam lahirkan orkestra Malaysia

MALAYSIA perlu mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kumpulan orkestra yang dianggotai oleh pemuzik sepenuh masa dan terdiri daripada anak tempatan.

Bagaimanapun, sebuah orkestra memerlukan sekurang-kurangnya sekumpulan 100 pemuzik dan ia sukar dilakukan jika tiada pihak yang mahu memulakannya dari peringkat awal.

Sehubungan itu, Yayasan Orkestra Belia Malaysia (MYOF) dibentuk bertujuan melahirkan belia Malaysia yang berbakat dalam muzik menerusi pelbagai program menarik dan inovatif.

Pengerusi MYOF, Mirzan Mahathir berkata sejak ditubuhkan pada 1987, MYOF mengumpul dan mengetengahkan bakat muzik muda Malaysia dan negara Asia lain.

"MYOF berharap dapat melahirkan sebuah orkestra dengan semua pemuziknya orang Malaysia. Walaupun kita ada orkestra, kita terpaksa mengundang beberapa pemuzik luar," katanya di persidangan akhbar dan pelancaran logo MYOF di ibu negara semalam. Mirzan menjelaskan MYOF juga ditubuhkan dengan kepercayaan bahawa muzik dapat memainkan peranan mengukuhkan kerjasama dan perpaduan nasional dan antarabangsa.

"Unsur kerjasama dan perpaduan sudah wujud dalam orkestra. Orkestra mempunyai pemuzik yang bermain alat muzik berlainan tetapi mereka boleh disatukan dengan melahirkan irama yang harmoni," jelasnya.

Beliau juga yakin bakat baru yang digilap menerusi MYOF ini boleh `dibekalkan' kepada kumpulan orkestra lain seperti Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK).

Begitupun, Mirzan berkata untuk mencapai objektif yayasan, satu tabung diperlukan untuk menganjurkan program dan kegiatannya.

"Saya menjemput badan korporat menghulurkan sumbangan kerana yayasan merancang untuk menyediakan bantuan kewangan, peralatan muzik, buku dan biasiswa dalam usaha mengembangkan lagi bakat muzik mereka," katanya.

(END)